

## PERKARA BERBANGKIT MARKAH KOKURIKULUM TAHUN 2014

### Tafsiran Aktiviti Peringkat Antarabangsa:

1. Penyertaan dan penglibatan murid di luar negara yang diusahakan serta diurus sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kebenaran dan kelulusan Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK), KPM
2. Penyertaan dan penglibatan murid di luar negara yang diusahakan dan diurus oleh agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan (NGO)/kumpulan/individu dengan syarat mendapat kelulusan bertulis daripada BKK serta Bahagian Dasar Hubungan Antarabangsa (BDHA), KPM.
3. Penyertaan dan penglibatan murid di dalam negara dengan melibatkan jemputan penyertaan murid dari luar negara yang diurus sepenuhnya oleh BKK, KPM melalui tapisan BDHA, KPM.
4. Penyertaan dan penglibatan murid di dalam negara dengan melibatkan penyertaan murid dari luar negara yang dikelola/dianjur oleh sekolah, agensi kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) dengan kelulusan BKK, KPM dan telah melalui tapisan serta kebenaran BDHA, KPM.
5. Semua aktiviti dan program murid hendaklah dalam bentuk pertemuan secara bersosial dan bersemuka (bukan secara atas talian) selaras dengan tafsiran kokurikulum (Rujuk Warta Kerajaan bertarikh 28 Disember, 1967, No. 5652 – Peraturan Kursus Pengajian). Mana-mana aktiviti/program yang tidak menepati tafsiran di atas hendaklah diberi taraf di peringkat sekolah sahaja.
6. Kelulusan daripada bahagian-bahagian lain KPM selain BKK dianggap sebagai kelulusan untuk menjalankan program sahaja. (Aktiviti SBP, Kluster dan Kecemerlangan, MARA, SM Teknik/Vokasional, Bhg Sekolah Harian, Bhg. Pendidikan Islam dan Bahagian Pendidikan Swasta)

### Tafsiran Aktiviti Peringkat Kebangsaan:

1. Penyertaan dan penglibatan murid di dalam negeri yang diusahakan serta diurus sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui BKK, KPM
2. Penyertaan dan penglibatan murid di dalam negara yang diusahakan dan diurus oleh agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan (NGO) dengan syarat mendapat kelulusan bertulis daripada BKK, KPM. Penyertaan mestilah melibatkan sekurang-kurangnya 3 buah negeri (3 buah sekolah dari setiap negeri). Aktiviti yang diusahakan hendaklah **tidak bertindan** dan **berulang** dengan aktiviti yang dikelolakan oleh KPM bagi tahun semasa.

3. Program kebangsaan yang dikelolakan oleh pihak sekolah tanpa kelulusan BKK, KPM adalah dikira markah penyertaan peringkat sekolah sahaja.
4. Semua aktiviti dan program murid hendaklah dalam bentuk pertemuan secara bersosial dan bersemuka (bukan secara atas talian) selaras dengan tafsiran kokurikulum (Rujuk Warta Kerajaan bertarikh 28 Disember, 1967, No. 5652 – Peraturan Kursus Pengajian.). Mana-mana aktiviti/program yang tidak menepati tafsiran di atas hendaklah diberi taraf di peringkat sekolah sahaja.
5. Kelulusan daripada bahagian-bahagian lain KPM selain BKK dianggap sebagai kelulusan untuk menjalankan program sahaja. (Aktiviti SBP, Kluster dan Kecemerlangan, MARA, SM Teknik/Vokasional, Bhg Sekolah Harian, Bhg. Pendidikan Islam)

#### **Tafsiran Aktiviti Peringkat Negeri:**

1. Penyertaan dan penglibatan murid di dalam negeri yang diusahakan serta diurus sepenuhnya oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).
2. Penyertaan dan penglibatan murid di dalam negeri yang diusahakan dan diurus oleh agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan (NGO) dengan syarat mendapat kelulusan bertulis daripada Pengarah, JPN. Penyertaan mestilah melibatkan sekurang-kurangnya 3 Daerah (sekurang-kurangnya 3 buah sekolah bagi setiap daerah). Bagi negeri yang tiada daerah pengelolaan hendaklah melibatkan sekurang-kurangnya 5 buah sekolah. Penyertaan mestilah melibatkan pelbagai keturunan kaum. Aktiviti yang diusahakan hendaklah tidak **bertindan** dan **berulang** dengan aktiviti yang dikelolakan oleh JPN bagi tahun semasa.
3. Program yang dikelolakan oleh pihak sekolah boleh diiktiraf sebagai program peringkat negeri dengan syarat melibatkan sekurang-kurangnya 15 buah sekolah dari 3 daerah dan mendapat kebenaran daripada Pengarah, JPN. Kos program ditanggung oleh sekolah berkenaan.
4. Semua aktiviti dan program murid hendaklah dalam bentuk pertemuan secara bersosial dan bersemuka (bukan secara atas talian) selaras dengan tafsiran kokurikulum (Rujuk Warta Kerajaan bertarikh 28 Disember, 1967, No. 5652 – Peraturan Kursus Pengajian.). Mana-mana aktiviti/program yang tidak menepati tafsiran di atas hendaklah diberi taraf di peringkat sekolah sahaja.

#### **Tafsiran Aktiviti Peringkat Daerah:**

1. Penyertaan dan penglibatan murid di dalam daerah yang diusahakan serta diurus sepenuhnya oleh Pejabat Pelajaran Daerah (PPD).
2. Penyertaan dan penglibatan murid di dalam daerah yang diusahakan dan diurus oleh agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan (NGO) dengan syarat mendapat kelulusan bertulis daripada PPD. Penyertaan mestilah melibatkan sekurang-kurangnya 5 buah sekolah
3. Program yang dikelolakan oleh pihak sekolah (melibatkan lebih daripada 5 sekolah) tanpa kelulusan PPD adalah dikira markah penyertaan aktiviti peringkat sekolah sahaja.

4. Semua aktiviti dan program murid hendaklah dalam bentuk pertemuan secara bersosial dan bersemuka (bukan secara atas talian) selaras dengan tafsiran kokurikulum (Rujuk Warta Kerajaan bertarikh 28 Disember, 1967, No. 5652 – Peraturan Kursus Pengajian.). Mana-mana aktiviti/program yang tidak menepati tafsiran di atas hendaklah diberi taraf di peringkat sekolah sahaja.

Bil.	Isu/ Perkara berbangkit	Huraian/ penjelasan												
1.	Program-program khas Kebangsaan, contoh: 1. Pertandingan Menulis Surat 1Malaysia 2. Pertandingan Menulis Surat kepada Perdana Menteri. 3. Larian 1 Murid 1 Sukan (1M1S): 4. Gotong Royong Kebangsaan. 5. Bulan Kecergasan Malaysia. 6. Sambutan Hari Habitat Sedunia 7. Perhimpunan Sejuta Belia . 8. Minggu Alam Sekitar	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="961 456 1402 558">Peringkat Pelaksanaan (Tempat aktiviti dilaksanakan)</th> <th data-bbox="1402 456 1745 558">Markah Penyertaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="961 558 1402 630">i. Sekolah</td> <td data-bbox="1402 558 1745 630">Sekolah</td> </tr> <tr> <td data-bbox="961 630 1402 701">ii. Daerah</td> <td data-bbox="1402 630 1745 701">Daerah</td> </tr> <tr> <td data-bbox="961 701 1402 773">iii. Negeri</td> <td data-bbox="1402 701 1745 773">Negeri</td> </tr> <tr> <td data-bbox="961 773 1402 842">iv. Kebangsaan</td> <td data-bbox="1402 773 1745 842">Kebangsaan</td> </tr> </tbody> </table>	Peringkat Pelaksanaan (Tempat aktiviti dilaksanakan)	Markah Penyertaan	i. Sekolah	Sekolah	ii. Daerah	Daerah	iii. Negeri	Negeri	iv. Kebangsaan	Kebangsaan		
Peringkat Pelaksanaan (Tempat aktiviti dilaksanakan)	Markah Penyertaan													
i. Sekolah	Sekolah													
ii. Daerah	Daerah													
iii. Negeri	Negeri													
iv. Kebangsaan	Kebangsaan													
2.	Program-program khas peringkat Negeri, contoh: 1. Perkhemahan Pengakap Daerah Jengka 30 tahun Peringkat Antarabangsa . 2. Jambori Pengakap "JOTA/JOTI" 3. "One Contemporary Art Competition" anjuran Kementerian Pelancongan. 4. "HHH Run" / Sunset Run 5. Pesta Tanglong Perdana (Perak) 6. Larian Antarabangsa Jambatan Pulau Pinang 7. Kuala Lumpur International Marathon	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="961 979 1402 1118">Peringkat Kelulusan/ Pengurusan (Rujuk takrif antarabangsa/kebangsaan)</th> <th data-bbox="1402 979 1745 1118">Markah Penyertaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="961 1118 1402 1190">i. Sekolah</td> <td data-bbox="1402 1118 1745 1190">Sekolah</td> </tr> <tr> <td data-bbox="961 1190 1402 1261">ii. Daerah</td> <td data-bbox="1402 1190 1745 1261">Daerah</td> </tr> <tr> <td data-bbox="961 1261 1402 1333">iii. Negeri</td> <td data-bbox="1402 1261 1745 1333">Negeri</td> </tr> <tr> <td data-bbox="961 1333 1402 1404">iv. Kebangsaan</td> <td data-bbox="1402 1333 1745 1404">Kebangsaan</td> </tr> <tr> <td data-bbox="961 1404 1402 1466">v. Antarabangsa</td> <td data-bbox="1402 1404 1745 1466">Antarabangsa</td> </tr> </tbody> </table>	Peringkat Kelulusan/ Pengurusan (Rujuk takrif antarabangsa/kebangsaan)	Markah Penyertaan	i. Sekolah	Sekolah	ii. Daerah	Daerah	iii. Negeri	Negeri	iv. Kebangsaan	Kebangsaan	v. Antarabangsa	Antarabangsa
Peringkat Kelulusan/ Pengurusan (Rujuk takrif antarabangsa/kebangsaan)	Markah Penyertaan													
i. Sekolah	Sekolah													
ii. Daerah	Daerah													
iii. Negeri	Negeri													
iv. Kebangsaan	Kebangsaan													
v. Antarabangsa	Antarabangsa													

	8. Klang 10K Run	<p>Pengiktirafan penglibatan murid didalam larian-larian peringkat antarabangsa adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penyertaan individu/sekolah dikira penyertaan peringkat sekolah sahaja.</li> <li>ii. Penyertaan melalui Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah (MSSD) dikira penyertaan peringkat Daerah</li> <li>iii. Penyertaan melalui Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia – (MSSM) negeri berkenaan perlu disokong dengan surat dan dikira penyertaan peringkat negeri.</li> </ul> <p>Kejayaan/Pencapaian murid diberikan markah mengikut tahap penyertaan.</p>
3.	<p><b><u>Penilaian Pelajar Tingkatan Enam:</u></b></p> <p>i. Kiraan Kehadiran Aktiviti Kokurikulum Bagi Pelajar Tingkatan 6 Rendah</p>	<p>i. Kiraan kehadiran: Pasukan Badan Beruniform 10 X</p> <p style="padding-left: 150px;">: Kelab &amp; Persatuan 6 X</p> <p style="padding-left: 150px;">: Sukan &amp; Permainan 6 X</p>
	ii. Kegiatan Pasukan Badan Beruniform	<p><i>Pelajar-pelajar yang menyandang jawatan dalam pasukan masing-masing mengekalkannya dan boleh terus bergiat dalam pasukan masing-masing. Sekiranya pasukan yang dianggotai sebelum ini tidak terdapat di sekolah yang baru, pelajar diminta melaporkan diri kepada GPK Kokurikulum(GPKKK). GPKK bertanggungjawab menugaskan mereka dalam mana-mana pasukan yang difikirkan sesuai sebagai tenaga pembantu jurulatih dan mereka kekal menyandang jawatan sedia ada dan boleh meneruskan usaha memperbaiki kedudukan mereka.</i></p>
	iii. Persatuan/kelab yang sedia ada disekolah tidak sesuai bagi Tingkatan 6	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pihak sekolah diminta menubuhkan Persatuan / Kelab yang bersesuaian. <b>(Bukan menubuhkan Persatuan/kelab dengan tujuan memberikan markah sahaja).</b></li> <li>ii. Penubuhan sesuatu Persatuan/kelab mestilah berfungsi untuk membantu pihak sekolah dengan tujuan melaksanakan aktiviti integrasi pelajar. Sistem penilaian dari markah untuk jawatan rujuk <u>Buku Panduan Penilaian Sekolah Menengah</u>. Selain daripada jawatan yang dicadangkan tiada markah. (mohon penjelasan BKK)</li> </ul>

4.	Anugerah Pengakap Raja dan Anugerah Pandu Puteri Raja diterima pada tahun semasa	Penilaian Kokurikulum dimasukkan dalam kategori Markah Bonus = 10 markah
5.	Program-program berkembar sekolah Premier , sekolah kluster, Sekolah Prestasi Tinggi dan SBP 1. Program berkembar antara sekolah dengan universiti/kolej/sekolah luar negara	Pemarkahan Penilaian Kokurikulum hendaklah merujuk kepada tafsiran aktiviti kokurikulum mengikut peringkat seperti di atas
6.	Pengujian secara terus ("On-Line Assessment ") Penglibatan murid-murid/pelajar-pelajar dalam Kuiz Matematik dan seumpamanya, secara individu berbayar (Peringkat Antarabangsa) Contoh: i. International Competitions and Assessments for School), Penganjur: Educational Assessment Australia, The University of New South Wales, Sydney, Australia ii. "Essay writing"/Penulisan sajak/pertandingan melukis /cipta laman blog	Aktiviti ini tidak diterima pakai dalam pengiraan penilaian markah kokurikulum, kerana: i. Aktiviti tidak melalui dan mendapat kebenaran Bahagian Kokurikulum dan Kesenian/KPM ii. Kelebihan kepada individu yang berkemampuan dan mempunyai kemudahan IT iii. Sistem penilaian yang dijalankan dan pelaksanaannya tidak jelas dan tidak diketahui, keesahan dan kebolehpercayaan diragui iv. Tidak diketahui siapa penganjur di peringkat kebangsaan dan bertanggungjawab bagi sebarang perkara berbangkit v. Penyertaan secara terbuka tanpa apa-apa saringan dari segi pemilihan calon berbanding "Aktiviti Olimpik" Sains dan Matematik yang diuruskan oleh Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, KPM.
7.	Pemarkahan Aktiviti Olimpik Sains dan Matematik	i. Peringkat pertama yang dijalankan di sekolah dikira sebagai markah penyertaan di peringkat sekolah (8 markah) ii. Peringkat kedua; peserta dipanggil oleh BKK KPM untuk menghadiri kem latihan diperingkat kebangsaan layak mendapat markah penyertaan peringkat kebangsaan (17 markah) dan markah pencapaian sekiranya berjaya. iii. Peserta yang terpilih untuk mewakili Negara ke peringkat antarabangsa layak untuk mendapat markah penyertaan peringkat antarabangsa (20 markah) dan markah pencapaian sekiranya berjaya.

8.	Kejohanan Taekwondo Jemputan Antarabangsa – Korea	<p>Aktiviti ini tidak diterima pakai dalam pengiraan penilaian markah kokurikulum, kerana</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Aktiviti tidak melalui dan mendapat kebenaran BKK/KPM</li> <li>ii. Kelebihan kepada individu yang berkemampuan</li> </ul> <p>Penyertaan secara terbuka tanpa apa-apa saringan dari segi pemilihan calon berbanding "<b>Aktiviti Olimpik Sains</b>" dan "<b>Matematik</b>" yang diuruskan oleh BKK, KPM.</p> <p>Markah Pencapaian diiktiraf dalam bahagian bonus (Anugerah Khas)</p>
9.	<p>Penglibatan murid-murid dalam Program Kerajaan Negeri seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Bandar Kembar Seremban – Bukit Tinggi, Sumatera</li> <li>ii. Pulau Pinang – Medan,</li> <li>iii. Ipoh – Fukuoka, Jepun</li> </ul>	<p>Penglibatan murid-murid/pelajar-pelajar diiktiraf sebagai "<b>penglibatan antarabangsa</b>", pemilihan peserta melalui saringan dan pemilihan oleh jawatankuasa khas yang dilantik.</p>
10.	<p>Penglibatan murid-murid / pelajar-pelajar dalam aktiviti yang berkaitan dengan Agensi Bukan Kerajaan (NGO) , contoh:</p> <p>Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Khidmat Masyarakat – Highway Duty</li> <li>ii. Perkhemahan</li> <li>iii. Pertandingan Kawad Kaki</li> <li>iv. Pertandingan Seni Bela Diri</li> </ul>	<p>Semua aktiviti mestilah mendapat kebenaran daripada KPM?JPN?PPD terlebih dahulu (<b>kelulusan mengikut peringkat penglibatan</b>). Markah penglibatan tertakluk kepada peringkat kelulusan yang di pohon.</p> <p>Peringkat penglibatan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kelulusan PPD – penglibatan daerah</li> <li>b. Kelulusan JPN – penglibatan negeri</li> <li>c. Kelulusan KPM – penglibatan kebangsaan</li> </ul> <p>Sekiranya penglibatan tanpa kelulusan KPM/JPN/PPD – markah penglibatan dan pencapaian tidak dikira.</p>
11.	Penglibatan murid-murid dalam pertubuhan yang tidak terdapat/tidak berdaftar di sekolah	<p>Sekiranya aktiviti yang dianjurkan mendapat kelulusan daripada KPM/JPN/PPD maka markah Penglibatan dan Pencapaian murid boleh diambil kira walaupun aktiviti tersebut tidak tersenarai di peringkat sekolah.</p>

12.	Penglibatan murid-murid / pelajar-pelajar dalam aktiviti yang berkaitan dengan Agensi Kerajaan (GO), contoh: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sambutan Hari Kor Kadet Polis</li> <li>ii. Festival Kebudayaan</li> <li>iii. Hari Kebangsaan</li> <li>iv. Hari Pahlawan</li> </ul>	Semua aktiviti mestilah mendapat kebenaran daripada Kementerian Pelajaran Malaysia / Jabatan Pelajaran Negeri / Pejabat Pelajaran Daerah terlebih dahulu (kelulusan mengikut peringkat penglibatan). Markah penglibatan tertakluk kepada peringkat kelulusan yang di pohon. Peringkat penglibatan : <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kelulusan PPD – penglibatan daerah</li> <li>b. Kelulusan JPN – penglibatan negeri</li> <li>c. Kelulusan KPM – penglibatan kebangsaan</li> </ul>
13.	Aktiviti yang berkaitan dengan pihak Istana dan Kerajaan Negeri	Semua aktiviti yang melibatkan Institusi Raja dan Setiausaha Kerajaan Negeri dikira sebagai penglibatan peringkat negeri.

### HURAIAN ASPEK PENGLIBATAN

(Rujuk Buku Panduan Penilaian Kokurikulum, Sekolah Menengah, Tahun 2007, Perkara 6.1.5, Jadual 4: ms 10)

#### 1. Pasukan Badan Beruniform

Peringkat	Penglibatan 1	Penglibatan 2	Penglibatan 3
Sekolah	8	6	3
Zon/daerah	11	8	4
Negeri	14	10	6
Kebangsaan	17	12	8
Antarabangsa	20	15	10

## 2. Sukan dan Permainan / Kelab dan Persatuan

Peringkat	Penglibatan 1	Penglibatan 2	Penglibatan 3
Sekolah	8	6	3
Zon/daerah	11	7	4
Negeri	14	8	5
Kebangsaan	17	9	6
Antarabangsa	20	10	7

Nota:

PENGLIBATAN	TAFSIRAN
Penglibatan 1	Murid yang didaftarkan sebagai atlet atau peserta perkhemahan/kejohanan / pertandingan/ karnival/kursus/program
Penglibatan 2	Penglibatan murid yang melibatkan aktiviti seperti persembahan selingan yang memerlukan latihan pusat dan murid yang bertugas sebagai jawatankuasa yang perlu berkhidmat dalam tempoh yang lama disepanjang aktiviti/ perkhemahan / kejohanan / pertandingan / karnival/kursus/program
Penglibatan 3	Penglibatan murid yang bersifat meramaikan majlis seperti sebagai penyokong, kumpulan sorak perkhemahan / kejohanan / pertandingan / karnival/kursus/program atau peserta majlis ceramah